

Dakwaan terhadap Azam Baki: Pemilikan saham penjawat awam? Ini yang anda perlu tahu
Astro Awani
05 Januari 2021

LEMBAGA Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) hari ini mengadakan sidang media bagi meleraikan isu dakwaan berkait pemegangan saham dengan jumlah melampau oleh Tan Sri Azam Baki.

LPPR menerusi pengerusinya, Tan Sri Abu Zahar Ujang mengakui berpuas hati dengan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu.

Dalam pada itu, Azam dalam sidang media sama menyifatkan dakwaan berkenaan adalah tohmahan bertujuan untuk menjatuhkan reputasi beliau.

Berikut apa yang kita tahu setakat ini:

a) Kenyataan Pengerusi LPPR, Tan Sri Abu Zahar Ujang

- LPPR berpuas hati dengan kenyataan Azam
- Azam tiada kaitan dengan dakwaan pemilikan saham dengan jumlah yang melampau
- Akaun saham Azam digunakan oleh adiknya, Nasir Baki untuk membeli saham pada 2015
- Azam tiada kepentingan kewangan (pecuniary) atau beneficial (benefisial) bagi pembelian atau pemilikan saham berkenaan
- Pembelian saham adalah di pasaran terbuka, tiada percanggahan kepentingan
- Semua saham telah dipindah semula kepada Nasir

b) Kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki

- Nafi memiliki saham dengan jumlah yang melampau
- Akui tidak terlibat dalam urusan pemilikan saham
- Dakwaan wujud konflik kepentingan adalah tidak berasas
- Saham-saham yang dibeli tiada kaitan dengan siasatan SPRM
- Saham-saham telah dipindah milik kepada akaun adiknya, Nasir

- Tuduhan beliau kawal banyak syarikat adalah pembohongan besar oleh pihak tertentu
- Ambil keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang kepada individu yang cemar reputasinya

Berikut kami lampirkan beberapa persoalan serta perkara penting yang anda perlu tahu berkenaan proses pemerolehan, pindah milik dan urus niaga saham di negara ini:

Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (Akta 453)

Seksyen 25: Akaun-akaun sekuriti

- (1) Tiada seorang pun boleh berurusniaga dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit tanpa terlebih dahulu mempunyai suatu akaun sekuriti.
- (2) Seseorang ejen depositori diberikuasa yang berurusniaga dengan sekuriti-sekuriti telah-deposit sebagai prinsipal hendaklah, berhubungan dengan urusniaga tersebut, membuka dan menyenggarakan suatu akaun sekuriti dengan depositori pusat.
- (3) Sesuatu depositori pusat boleh mewujudkan berlainan jenis akaun-akaun sekuriti untuk orang-orang yang berlainan golongan

Pindaan (No.2) 1998:-

- (4) Every securities account opened with a central depository shall be in the name of the beneficial owner of the deposited securities or in the name of an authorised nominee. [Ins. Act A1039:s.13]
- (5) The person opening the securities account shall make a declaration in such manner as may be specified in the rules of the central depository that he is the beneficial owner of the deposited securities or the authorised nominee, as the case may be. [Ins. Act A1039:s.13]
- (6) Any person who contravenes subsection (1), (2) or (5) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding three million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding ten years or to both. [Ins. Act A1039:s.13]

Mengenai pemindahan akaun CDS antara ahli keluarga, apakah senario atau hubungan yang dibenarkan oleh Bursa Malaysia Depository?^[11]_[SEP]

Bursa Malaysia Depository hanya membenarkan pemindahan antara pihak yang memindahkan (orang yang memulakan pemindahan) dan pihak yang dipindahkan

(orang yang menerima sekuriti yang dipindahkan), yang terdiri daripada ahli keluarga terdekat. Berikut adalah hubungan yang dibenarkan:

- * Ibu bapa
- * Anak/Anak angkat
- * Pasangan sah
- * Abang/Adik lelaki
- * Kakak/Adik perempuan
- * Datuk & Nenek
- * Cucu

Pendeposit individu juga boleh membuat pemindahan sekuriti daripada akaun CDS mereka yang dipegang secara terus atas nama pendeposit individu atau akaun penama yang dipegang oleh Penama Sah (iaitu pendeposit individu dinyatakan sebagai pemilik benefisial) kepada akaun CDS yang dipegang secara terus atas nama ahli keluarga mereka. Mereka perlu menyertakan dokumen sokongan yang berkaitan apabila memulakan pemindahan berkenaan.

^[1]Walau bagaimanapun, pemindahan sekuriti daripada Akaun Sekuriti yang Diikrar pendeposit secara terus kepada akaun CDS ahli keluarga tidak dibenarkan.^[1]

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam

Pekeliling ini perlu membuat perisytiharan harta sama ada harta tak alih atau harta alih.

Harta alih merangkumi:

- (i) Apa-apa bentuk wang tunai di mana jua dideposit atau disimpan;
- (ii) Syer, saham, debentur, bon atau sekuriti lain;
- (iii) Apa-apa bentuk lesen atau permit perdagangan, perniagaan atau komersial;
- (iv) Apa-apa harta alih yang lain, termasuklah segala jenis kenderaan motor, barang kemas, keahlian kelab, perabot rumah dan alat sukan yang harga belian tiap-tiap

satunya melebihi 6 bulan emolument atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih rendah.

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.
Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dakwaan-terhadap-azam-baki-pemilikan-saham-penjawat-awam-ini-yang-anda-perlu-tahu-340129>